

R B147 AAB
MAHATHIR - ISA
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 6 PETANG INI)

=====

(I)

KUALA LUMPUR, 28 DIS (BERNAMA) -- KERAJAAN BERSEDIA MEMANSUHKAN AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) ATAU MEMINDANYA JIKA KEADAAN DALAM NEGARA MENGIZINKAN; KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KERAJAAN TIDAK BOLEH TERBURU-BURU DALAM PERKARA INI KERANA ISA TELAH DIGUNAKAN UNTUK MEMASTIKAN KESTABILAN NEGARA BUKAN SAJA DARIPADA ANCAMAN KOMUNIS TETAPI JUGA SUMBER-SUMBER LAIN YANG MENYEBABKAN ANCAMAN KEPADA KESELAMTAN.

BELIAU BERKATA ISA DIGUNAKAN DALAM TAHUN 1969 DAN 1987 APABILA BEBERAPA ORANG DITAHAN; BUKAN KERANA ANCAMAN KOMUNIS TETAPI KERANA KETEGANGAN KAUM; YANG MENIMBULKAN KEADAAN TIDAK SELAMAT DI NEGARA INI.

+JIKA RAKYAT TAHU MENAHAN PERASAAN MEREKA, TIDAK ADA MASALAH (UNTUK MEMANSUHKAN ISA); + KATANYA DALAM WAWANCARA AKHIR TAHUN DENGAN EDITOR-EDITOR KANAN MEDIA TEMPATAN DI PEJABATNYA DI SINI.

PERDANA MENTERI TELAH DITANYA MENGENAI KEMUNGKINAN ISA DIMANSUHKAN MEMANDANGKAN KOMUNIS TIDAK LAGI MERUPAKAN ANCAMAN EKORAN PERLETAKAN SENJATA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM). -- LAGI.

R B148 AAB
MAHATHIR - ISA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+SESETENGAH NEGARA TIDAK PUN MEMERLUKAN KERAJAAN. SEBENARNYA MEREKA BOLEH BERFUNGSI TANPA KERAJAAN. TETAPI SESETENGAH NEGARA PULA MEMERLUKAN SEBUAH KERAJAAN AUTORITARIAN YANG KUAT UNTUK MENGAWAL MEREKA; + TAMBAHNYA.

SAMBIL MENOLAK ANGGAPAN BAHAWA ISA MENGHALANG PERJALANAN AMALAN DEMOKRASI YANG SAH DAN BERTANGGUNGJAWAB; PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT MALAYSIA LEBIH BEBAS SEKARANG DARIPADA DAHULU.

BELIAU BERKATA TERDAPAT LEBIH BANYAK MAJALAH DAN SURAT KHBAR YANG DITERBITKAN SEKARANG BERBANDING DENGAN DAHULU MANAKALA BILANGAN ORANG YANG DITAHAN DI BAWAH ISA SEKARANG KURANG DARIPADA SEBELUMNYA.

PELAKSANAAN ISA TIDAK MENGURANGKAN KEBEBASAN RAKYAT SEBAGAIMANA TERBUKTI DENGAN WUJUDNYA KUMPULAN PENDESAK YANG BEBAS; SEKALIPUN UNTUK MEMBURUK-BURUKAN NEGARA MEREKA SENDIRI DENGAN BERCAKAP BOHONG MENGENAI NEGARA INI DI LUAR NEGERI; TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

ISA BERMAKSUD UNTUK MELINDUNGI RAKYAT BIASA YANG CUMA MAHU HIDUP BEBAS DARIPADA SEGALA BENTUK PENEKANAN; KATANYA. -- BERNAMA.

1630MST 28 12 89